

# Ahmad Zahid gagal halang Tun M

Oleh SUWARNI MOKHTAR  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Mahkamah Tinggi di sini semalam menolak permohonan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi untuk mengenakan perintah injuksi terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung dakwaan beliau meminta bekas Perdana Menteri itu mencampuri urusan kes yang sedang dihadapinya di mahkamah.

Hakim Datuk Rozana Ali Yusoff memutuskan demikian atas alasan terdapat isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah melalui perbicaraan.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh peguam, Shahrul Fazli Kamarulzaman yang mewakili Ahli Parlimen Bagan Datuk itu ketika dihubungi media selepas prosiding yang dijalankan secara dalam talian itu.

Ahmad Zahid memohon perintah injuksi tersebut bagi menghalang penerbitan semula dan penyebaran rakaman kenya-



**AHMAD Zahid Hamidi ketika tiba di mahkamah bagi perbicaraan kes pecah amanah dan pengubahan wang haram di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI**

taan Dr. Mahathir yang didakwa memfitnah bekas Timbalan Perdana Menteri itu berhubung kes jenayah yang dihadapinya.

Sementara itu, peguam Mior

Nor Haidir Suhaimi yang mewakili Dr. Mahathir mengesahkan perkara tersebut dan turut memaklumkan mahkamah memutuskan demikian kerana ia

bukanlah peringkat yang sesuai untuk pihak-pihak berhujah mengenai merit saman tersebut.

“Mahkamah berpendapat plaintif perlu membuktikan kenyataan yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir adalah tidak benar.

“Oleh itu, permohonan interim ditolak dengan kos RM5,000 dan mahkamah menetapkan 23 Ogos ini untuk pengurusan kes,” kata peguam itu.

Pada 20 April lalu, Ahmad Zahid selaku plaintif memfailkan saman fitnah terhadap Dr. Mahathir yang dinamakan sebagai defendan berhubung dakwaan beliau menggunakan kedudukannya bagi mempengaruhi bekas Perdana Menteri itu untuk mencampuri urusan perbicaraan kes jenayah yang masih berjalan di mahkamah.

Berdasarkan pernyataan tuntutan, Ahmad Zahid berkata pada 19 Oktober 2018, beliau telah dituduh di Mahkamah Sesyen di sini atas 12 pertuduhan pecah amanah, lapan rasuah dan 27 pengubahan wang haram.

Namun Presiden UMNO itu

berkata, pada 23 Februari lalu, Dr. Mahathir telah mengeluarkan kenyataan palsu dan disifatkan berbaur fitnah dengan niat jahat merujuk secara terus kepadanya.

Menurutnya, kenyataan berbaur fitnah itu dibuat dalam suatu Majlis Pelancaran Aspirasi Parti Pejuang sempena Pilihan Raya Negeri Johor ke-15 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

Ahmad Zahid turut memfailkan permohonan injuksi interim supaya defendan sama ada secara diri sendiri, pegawai dan wakilnya menarik balik kenyataan fitnah tersebut dan menghalang mereka menerbitkan, mengedarkan atau menyebarkan kenyataan itu atau kenyataan fitnah serupa di mana-mana platform media sosial.

Turut dipohon perintah injuksi interim bagi mengarahkan defendan memadam, menyunting dan menghentikan penerbitan sebahagian rakaman video majlis itu yang mengandungi kenyataan memfitnah di dalam portal-portal berita dalam talian dan media sosial.